

Enactus USIM prihatin golongan OKU

SEREMBAN 12 Jun - Seramai 20 ahli kelab Enactus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalankan program khidmat komuniti bagi membantu golongan orang kurang upaya (OKU) di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Senawang, di sini baru-baru ini.

Penyelaras Enactus USIM, Dr. Mohamad Yazis Ali Basah berkata, pada program berkenaan pihak kelab telah menyumbang sebuah mesin bertih jagung kepada PDK tersebut.

Katanya, sumbangan tersebut bagi membolehkan PDK terbabit menjana pendapatan tambahan ketika melakukan sebarang program kelak.

“Inisiatif tersebut selari dengan objektif kelab dalam usaha membantu badan dan pertubuhan kebajikan negeri ini dari segi menyalurkan idea, tenaga dan kepakaran tertentu bagi membolehkan golongan terbabit berdikari,” katanya di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kelab terbabit merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergerak di bawah Kementerian Pendidikan dengan matlamat mendekatkan penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti.

“Ini merupakan PDK yang keempat di negeri ini yang kami menjalankan program bersama.

“Walaupun PDK ini mendapat sokongan serta bantuan kerajaan terutamanya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, namun kami bersyukur kerana dapat membantu golongan yang memerlukan ini,” katanya.